



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 11/2010 (14 hingga 20 Mac 2010)

Pada minggu ke-11, iaitu bagi tempoh antara 14 hingga 20 Mac 2010, sejumlah 898 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 141 kes (14%) berbanding dengan 1,039 kes dengan 4 kematian pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, tiga negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Kedah, Perlis dan Melaka (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 11,360 kes dengan 40 kematian berbanding 12,933 kes dengan 34 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas, iaitu penurunan sebanyak 12%.

Dua (2) kematian yang dilaporkan sepanjang minggu lepas iaitu di Johor dan Melaka, disebabkan oleh komplikasi "*Dengue Shock Syndrome*" dan Demam Denggi Berdarah. Kes-kes tersebut juga di dapati berlaku di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi (0.7% hingga 6.6%).

Di kawasan "hot spot", tempat pembiakan Aedes yang tinggi masih berterusan (Lampiran D). Sepanjang minggu lepas juga hanya 13 (23%) dari 57 kawasan "hot spot" telah mengadakan gotong-royong. Ini menunjukkan masyarakat setempat masih kurang prihatin terhadap masalah denggi yang berlaku.

Kementerian ingin menegaskan bahawa masalah denggi tidak akan dapat dikawal tanpa kerjasama dari orang ramai. Oleh itu amat penting bagi masyarakat memainkan peranan dengan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes. Penglibatan ketua masyarakat juga amat diperlukan dalam menggerakkan masyarakat untuk membersihkan kawasan dan menghapuskan tempat pembiakan aedes di persekitaran kediaman masing-masing.

Sekiranya ada di kalangan **penduduk** atau **masyarakat** yang mengalami gejala demam denggi, dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital terdekat. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah penderitaan akibat demam denggi. Pengamal perubatan yang mengendalikan kes juga perlu melaporkan kes-kes yang disyaki denggi dengan segera ke Pejabat Kesihatan terdekat supaya tindakan kawalan segera dapat diambil bagi mengekang perebakan jangkitan denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 39 kes telah dilaporkan pada minggu lepas, berbanding 15 kes pada minggu sebelumnya, iaitu di Sarawak, Perak dan Selangor (Lampiran B). Bagi tempoh yang sama, terdapat 2 lokaliti wabak Chikungunya yang berlaku di Sarawak.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

23 Mac 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2010
(14 hingga 20 Mac 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 11/2009
		Minggu 11 (14 – 20 Mac 2010)	Minggu 10 (7 – 13 Mac 2010)		
1	Perlis	1	0	30	38
2	Kedah	12	9	104 (1)	308
3	P. Pinang	18	24	280 (2)	634
4	Perak	31	46	361	1,123
5	Selangor	447	467 (3)	5,274 (22)	6,893 (22)
6	WPKL & Putrajaya	140	169	1,223 (2)	1,161 (5)
7	N. Sembilan	25	32	548 (1)	226 (3)
8	Melaka	11 (1)	10	99 (2)	163
9	Johor	53 (1)	59	640 (2)	652 (2)
10	Pahang	21	33	299 (1)	279 (1)
11	Terengganu	15	18	245	289
12	Kelantan	23	27 (1)	221 (1)	400
13	Sarawak	72	106	1,496 (5)	486
14	Sabah	29	39	533 (1)	268 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	13
	Jumlah	898 (2)	1,039 (4)	11,360 (40)	12,933 (34)

Nota: () Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 11/2010 BERBANDING MINGGU
SEBELUMNYA (10/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-11 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 11 Tahun 2009
		Minggu 11 (14 – 20 Mac 2010)	Minggu 10 (7 – 13 Mac 2010)		
1	Perlis	0	0	0	14
2	Kedah	0	0	0	30
3	P. Pinang	0	1	2	48
4	Perak	2	0	3	218
5	Selangor	1	1	12	235
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	58
7	N. Sembilan	0	0	0	26
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	96
10	Pahang	0	0	1	55
11	Terengganu	0	0	1	31
12	Kelantan	0	0	2	259
13	Sarawak	36	10	451	1
14	Sabah	0	2	6	0
15	WP Labuan	0	1	7	0
	MALAYSIA	39	15	486	1,071

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 20 MAC 2010 (Mg 11)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	26	113
2	SELANGOR	MPSJ	SS 18	71	99
3	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	70	89
4	SELANGOR	MPAJ	AU5D Taman Keramat (Zon A)	9	74
5	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	23	72
6	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	30	70
7	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	21	66
8	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	36	62
9	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D (Teres Jalan 7/63)	12	54
10	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	19	52
11	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	17	51
12	SELANGOR	MPSJ	Taman Sedang Perdana (SP 5)	20	47
13	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	10	46
14	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	14	44
15	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C)	12	44
16	SELANGOR	MPSJ	PJS 11	12	43
17	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon A)	9	42
18	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	7	38
19	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan) (2)	10	37
20	SELANGOR	MPSJ	USJ 6	12	35
21	SELANGOR	MPSJ	Taman Bkt Serdang	10	35
22	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	8	34
23	SELANGOR	MPAJ	AU3/1 Taman Keramat (Zon A)	12	33
24	SELANGOR	MPAJ	Taman Ukay Perdana (Zon 6)	9	32
25	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K2	8	32

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
26	SELANGOR	MPAJ	Pandah Indah (Zon C)	11	30
27	SELANGOR	MPSJ	SS 15	12	30
28	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Pesona Taman Kajang	8	30
29	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak F1	8	30
30	WPKL	CHERAS	PPR Taman Mulia	23	74
31	WPKL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	13	68
32	WPKL	CHERAS	Flat Sri Melaka.	7	46
33	WPKL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	19	67
34	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	15	58
35	WPKL	SETAPAK	Desa Tun Hussin Onn B (Blok 5-17)	7	34
36	WPKL	PUSAT BANDAR	Bandar Baru sentul (Menara Orkid)	17	64
37	WPKL	PUSAT BANDAR	Flat Sri selangor	74	52
38	WPKL	KLANG LAMA	PPR Kg Limau	9	47
39	WPKL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	7	30
40	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	43	91
41	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee, Bandaraya	8	56
42	JOHOR	MPJBT	Taman Pelangi Indah Flat Jalan Cantik, Tebrau.	17	62
43	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	8	38
44	JOHOR	MBJB	Flat Larkin , Bandaraya	10	30
45	JOHOR	MBJB	Kondo Bukit Saujana Bandaraya JB	14	64
46	JOHOR	MBJB	Taman Scientex Jalan Serindit, Pelentong	13	82
47	SARAWAK	MIRI	Kg Baru Jalan Anting 2	41	83
48	SARAWAK	MIRI	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	18	96
49	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	15	107

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
50	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	13	102
51	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Marida, Senawang	11	48
52	N.SEMBILAN	Seremban	Blok C Ampangan	6	47
53	N.SEMBILAN	Seremban	Apartment Desa Palma	7	41
54	PAHANG	Kuantan	Taman Cenderawasih	22	47
55	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 5	9	32
56	TERENGGANU	KKM	Kampung Buluh Gading	37	47
57	TERENGGANU	KKM	RAKR Telaga Daeng	15	43

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 11**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WP KL	KLANG LAMA	Vista Angkasa	80.0	80
2	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Desa Aman	40	40
3	WP KL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	21.0	21
4	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	18.2	18
5	WP KL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	17.0	17
6	WP KL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	13.0	13
7	SARAWAK	MIRI	Kg. Baru Jalan Anting 2	13.0	13
8	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K5	10.0	10
9	N. SEMBILAN	SEREMBAN	Apartment Desa Palma	10.0	10
10	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 9	9.5	10
11	SELANGOR	MPAJ	AU5D Taman Keramat (Zon A)	8.3	8
12	WP KL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak Kayangan	4.0	4
13	WP KL	SETAPAK	Desa Tun Hussin Onn B (Blok 5-17)	3.0	3
14	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong	2.4	2
15	N. SEMBILAN	SEREMBAN	Taman Marida, Senawang	2.3	2
16	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 2 Bandar Rinching	2.2	2
17	JOHOR	MBJB	Flat Larkin, Bandaraya	2.0	2
18	TERENGGANU	KKM	RAKR Telaga Daeng	2.0	2
19	SELANGOR	MPSJ	SS 18	1.8	2
20	N. SEMBILAN	SEREMBAN	Blok C Ampangan	1.8	2
21	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee, Bandaraya	1.7	2
22	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	1.7	2
23	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	1.5	2
24	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	1.4	1
25	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	1.0	1